

# Bank Rakyat diiktiraf

## di Asia, dunia

B.H 22/06/08 M/S 23  
**B**ANK Rakyat disenaraikan sebagai institusi kewangan Islam terbesar di Asia Tenggara dan ke-12 di dunia dalam laporan terbaru The Asian Banker Research baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Kamaruzaman Che Mat, berkata setakat akhir tahun lalu bank koperasi itu mempunyai aset RM34.6 bilion mewakili kira-kira 18 peratus daripada aset keseluruhan institusi perbankan Islam di negara ini.

"Bank Rakyat sudah melaksanakan sistem perbankan mengikut prinsip Syariah bermula 2003. Selepas itu, Bank Rakyat menunjukkan prestasi membanggakan dengan tahun lalu mencatatkan keuntungan RM828.8 juta," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Zakat Perdana Wilayah Selangor di Subang, semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Alwi Ibrahim yang mewakili menterinya, Datuk Noh Omar dan Ketua Sektor Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Selangor, Siti Fatimah Mat Tamin yang mewakili Pengarah Pelajaran Selangor, Ashah Samah.

Pada majlis itu, Alwi menyampaikan mock cek zakat Bank Rakyat berjumlah RM406,800 kepada Siti Fatimah untuk diagihkan kepada 4,068 pelajar dari 90 sekolah menengah dan rendah di Selangor.

Setiap pelajar menerima RM100 wang zakat hasil keuntungan perniagaan Bank Rakyat tahun lalu. Bank itu memperuntukkan zakat perniagaannya tahun lalu berjumlah RM32 juta untuk diagihkan kepada yang layak dan golongan asnaf, pelajar dan Majlis Agama Islam negeri dan institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Sementara itu, Kamaruzaman berkata, Bank Rakyat yakin mampu mencapai sasarannya meraih keuntungan lebih RM1 bilion tahun ini berdasarkan kepada keputusan kewangan suku kedua tahun ini.

Pada suku pertama berakhir 31 Mac lalu, Bank Rakyat memperoleh keuntungan sebelum cukai dan zakat RM250.4 juta, peningkatan 40.3 peratus berbanding RM175.8 juta dalam tempoh sama tahun kewangan lalu.